

Regu kukuh status

Muncul juara Kejohanan Sepak Takraw Terbuka UPM kelima, bawa pulang RM1,500

>>Oleh Azlan Muhammad Zain
azlanmz@hmetro.com.my

REGU negara mengukuhkan status 'jaguh kampung' apabila menjuarai Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Universiti Putra Malaysia (UPM) kelima yang berlangsung baru-baru ini sekali gus meraih hadiah wang tunai RM1,500.

Gandingan Mohamad Fadzil Mohd Asri, Mohd Fadzli Mohd Roslan, Faizulhairy Osman dan Mohd Hanafiah Dollah terlalu unggul apabila menewaskan regu Sukan-Sukan B yang menampilkan bekas pemain negara, Mohd Normanizam Ahmad, Mohd Futra Abd Ghani dan Mohd Ariff Ramli dengan keputusan 15-9, 15-8, 15-13 (3-0).

Satu lagi regu negara yang diwakili Tunku Noor Azwari Tunku Ishak, Norshahrudin Mad Ghani, Mohd Farhan Adam dan Ahmad Azizat Nor Azmi tewas pada se-

paruh akhir kepada Sukan-Sukan B dengan keputusan 1-3.

Kemenangan ini menjadi pembakar semangat kepada anak-anak buah ketua jurulatih negara, Jamaluddin Hassan selepas menjuarai Piala Presiden Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) baru-baru ini menerusi gandingan Mohamad Fadzil, Norshahrudin dan Mohd Farhan dengan Siri Super Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf) Kedua di Palembang, Indonesia yang dijadualkan pada 23 hingga 26 Februari ini menanti.

Jamaluddin ketika ditemui baru-baru ini menjelaskan ia adalah sebahagian daripada persiapan mereka selain cuba mengatur beberapa perlawanan persahabatan dengan regu tempatan.

Sementara itu, seramai 77 pemain dipanggil untuk mengharungi sesi pemilihan bagi membentuk skuad negara dan pelapis yang baru pada Mac ini selepas diluluskan mesyuarat Jawatan



HEBAT...libasan Futra (kiri) gagal dihalang pemain lawan.

kuasa Pemilihan Pemain yang dipengerusikan Presiden PSM, Datuk Ahmad Ismail.

"Awalnya kami merancang untuk mengadakan latihan

pemilihan pada bulan ini namun mahu mengelakkan masalah pelepasan yang mungkin dihadapi pemain terpilih. Saya berharap sekurang-kurangnya 70 per-

tus pemain terpilih dapat menghadirkan diri bagi membolehkan kami memilih pemain terbaik menarung jersi negara," kata Ja-

maluddin.